

BAGAIMANA ANDA BOLEH MENYEMAK LAPORAN :

Baca dan periksa kandungan laporan Draft Akhir Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar yang boleh didapati di tempat-tempat pemeriksaan laporan yang telah ditetapkan :

- Pejabat Majlis Perbandaran Kangar, Kangar.
- Pasaraya The Store, Kangar.
- Pasaraya C' Mart, Arau.
- Pejabat MPK Cawangan Kuala Perlis.
- Pejabat MPK Cawangan Padang Besar dan.
- Pejabat Pengurusan MPK Simpang Empat.

Semak cadangan projek-projek pembangunan yang dikemukakan di dalam setiap kawasan kejiranan terutamanya kawasan kediaman anda atau yang mempunyai kepentingan dengan anda.

Semak garis panduan pembangunan am dan khusus bagi setiap komponen atau pengezonan cadangan yang dicadangkan, sekiranya anda mempunyai sebarang ulasan, pandangan mahu pun bantahan terhadap kandungan laporan tersebut, sila dapatkan borang bantahan dan representasi yang disediakan dan kemukakan kembali kepada alamat di bawah.



Program Publisiti & Penyertaan Awam

draft
RANCANGAN TEMPATAN
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
2009 - 2020



Bantahan terhadap atau representasi berkenaan dengan rancangan itu boleh dibuat melalui borang bantahan awam yang disediakan atau surat memorandum selewat-lewatnya pada **09 DISEMBER 2011**.

Semua borang bantahan awam dan surat memorendum boleh di hantar / faks/ email kepada:-

Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Kangar,
01000 Kangar, Perlis.
No. Tel : 04-976 2188 / 04-976 2688
No. Faks : 04-976 6052
email : mpkpls@mpkangar.gov.my

Draf laporan, borang dan keterangan lanjut mengenai **Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar** ini juga boleh diperolehi di laman web **www.townplan.gov.my**

Bantahan dan representasi hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan cadangan dan garis panduan Laporan Draft Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar.

**ORANG AWAM
DIEMPUT
MENYERTAI
PROGRAM INI**

Program Publisiti & Penyertaan Awam

24 OKTOBER - 02 DISEMBER 2011
09-30 PAGI - 04.30 PETANG
PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
24 OKT - 02 DIS. 2011
PASARAYA THE STORE, KANGAR
24 OKT. - 31 OKT. 2011
PASARAYA C'MART, ARAU
01 NOV. - 08 NOV. 2011
PEJABAT MPK CAW. KUALA PERLIS
09 NOV. - 16 NOV. 2011
PEJABAT MPK CAWANGAN PADANG BESAR
17 NOV. - 02 DIS. 2011
PEJABAT PENGURUSAN MPK SIMPANG EMPAT
25 NOV. - 02 DIS. 2011



KEPERLUAN PENYEDIAAN

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar 2009 – 2020 disediakan selaras dengan peruntukan subseksyen 12, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Ianya memperincikan dasar dan cadangan Rancangan Struktur Negeri Perlis kepada bentuk fizikal.

DEFINISI

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kangar 2009 – 2020, merupakan dokumen mengandungi Peta Cadangan dan pernyataan bertulis berkenaan perancangan fizikal bagi kawasan Majlis Perbandaran Kangar yang merangkumi keseluruhan kawasan negeri Perlis. Rancangan Tempatan ini digunakan sebagai dokumen perancangan oleh Majlis Perbandaran Kangar selaku pihak berkuasa tempatan tunggal di negeri Perlis bagi mencapai hala tuju pembangunan fizikal di negeri ini. Selain dari itu juga, Rancangan Tempatan ini turut mengandungi langkah-langkah terperinci berkaitan kawalan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di negeri ini dinamik, seimbang dan menyeluruh dalam tempoh perancangan yang digariskan.

WAWASAN PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS

Draf Rancangan Struktur Negeri Perlis (RSN Perlis) menggariskan visi bagi pembangunan Negeri Perlis menjelang tahun 2030 iaitu memacu ke arah wawasan :-

“PERLIS NEGERI BANDARAYA”

MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS

“Mengantarabangsakan Negeri Perlis 2030 Melalui Pembangunan Ekonomi Asas Wilayah Yang Kukuh Ke Arah Kualiti Hidup Tinggi Di Dalam Lingkungan Persekitaran Mampan”

draf RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR 2009 - 2020



“MEMBANGUNKAN KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR SEBAGAI NEGERI BANDARAYA”

TERAS PEMBANGUNAN RTMPK

1 Asas Ekonomi Dinamik Dan Berdaya Maju

Pengantarabangsaaan asas ekonomi terpilih dan strategik, termasuk, sektor perikanan, perdagangan sempadan dan Kkonomi

Menjadikan kawasan Perbandaran Kangar sebagai hub perniagaan antarabangsa dan sektor peruncitan sebagai sokongan pemangkin ekonomi setempat.

Menjadikan kawasan Kuala Perlis sebagai hub pembangunan industri berasaskan perikanan dan industri hiliran sebagai sokongan pencetus ekonomi setempat.

Mempelbagaikan dan meningkatkan produktiviti pertanian, penternakan dan perikanan agar berdaya maju bagi menyumbang pertumbuhan ekonomi.

Menjanakan produk pelancongan yang berkarakter dan kompetitif.

2 Pembangunan Fizikal Mampan Dalam Persekitaran Sejahtera

Menguatkan peranan dan fungsi pusat petempatan mengikut hierarki.

Meningkatkan imej pusat petempatan dalam persekitaran bandar dalam taman

Melindungi dan memelihara alam semulajadi bagi mengekalkan Keseimbangan Ekologi.

3 Kemudahan Perbandaran Yang Efisien Dan Berkualiti

Mewujudkan sistem perhubungan dan pengurusan lalu lintas yang efisien, efektif dan selamat

Menyediakan sistem pengangkutan penumpang dan barangan yang baik dan selamat.

Mengurangkan kawasan yang terdedah kepada banjir dengan meningkatkan keupayaan hidraulik sistem saliran sedia ada.

Meningkat dan manakitaraf sistem infrastruktur pembandaran yang cekap dan moden.

4 Pembangunan Komuniti Sejahtera

Mengagihkan pertambahan penduduk mengikut potensi zon pembangunan.

Memastikan penyediaan unit kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki oleh pelbagai kumpulan pendapatan isirumah.

Memastikan penyediaan kemudahan masyarakat yang pelbagai, mencukupi dan mudah sampai mengikut keperluan penduduk setempat.

Menyediakan kemudahan rekreasi yang mencukupi dan berkualiti.

Membangunkan petempatan desa supaya maju, menarik dan menguntungkan dengan masyarakat yang progresif, sejahtera dan cemerlang.

5 Urustadbir Cekap dan Mesra Rakyat

Memperkuatkan keupayaan urus tadbir Majlis Perbandaran Kangar melalui tadbir urus korporat yang baik, cekap, berkesan dan mesra rakyat.

Memantapkan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kangar ke arah pencapaian status sebagai bandaraya.

Mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.

Meningkatkan tahap koordinasi bidang tugas antara jabatan dalam Majlis Perbandaran Kangar dan lain-lain jabatan dan agensi kerajaan.